| Kumpulan Wang Tabung Bantuan                  |      |            |            |            |            |
| Ekonomi Anggota - 5%                          |      |            |            |            |            |
| (2022: 10%)                                   | 23   | 1,793,383  | 7,222,707  | 1,793,383  | 7,222,707  |
| Kumpulan Wang Penebusan Syer                  |      |            |            |            |            |
| - 5% (2022: 5%)                               | 20   | 1,793,383  | 3,611,353  | 1,793,383  | 3,611,353  |
| Kumpulan Wang Tabung                          |      |            |            |            |            |
| Amanah Yayasan Kosma                          |      |            |            |            |            |
| - 1% (2022: 1 %)                              | 25   | 358,677    | 722,271    | 358,677    | 722,271    |
| Kumpulan Wang Tabung                          |      |            |            |            |            |
| Persaraan - 1% (2022: 1%)                     | 31   | 358,677    | 722,271    | 358,677    | 722,271    |
|                                               |      | 24,984,763 | 54,260,933 | 24,984,763 | 54,260,933 |
| Baki Keuntungan/(Kerugian) yang               |      |            |            |            |            |
| Belum Dibahagi-bahagikan                      |      | 4,919,446  | 1,548,339  | 2,348,645  | 3,258,352  |
| <b><u>Campur: Pelarasan Bukan Operasi</u></b> |      |            |            |            |            |
| Pelarasan Cukai                               |      |            |            |            |            |
| Tahun-Tahun lalu                              | 39   | 466,001    | (964,140)  | 360,298    | (964,140)  |
| Pelarasan rosot nilai pelaburan               |      | 1,126,921  | -          | 1,126,921  | -          |
| Pelarasan Honorarium Lembaga                  |      | 660,000    | -          | 660,000    | -          |
| Pelarasan liabiliti cukai tertunda            | 32   | -          | 186,884    | -          | 407,455    |
| Pelarasan lebihan 5%                          |      |            |            |            |            |
| dividen modal saham 2021                      | 36   | -          | 2,861,277  | -          | 2,861,277  |
| Jumlah pelarasan bukan operasi                |      | 2,252,922  | 2,084,021  | 2,147,219  | 2,304,592  |
| Baki keuntungan                               |      | 7,172,368  | 3,632,360  | 4,495,864  | 5,562,944  |
| Campur: Keuntungan                            |      |            |            |            |            |
| Terkumpul Awal Tahun                          |      | 59,831,624 | 56,199,264 | 52,820,547 | 47,257,603 |
| Keuntungan Terkumpul                          |      |            |            |            |            |
| pada Akhir Tahun                              |      | 67,003,992 | 59,831,624 | 57,316,411 | 52,820,547 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI****BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

|                                                        |    | Kumpulan          |             | Koperasi          |             |
|--------------------------------------------------------|----|-------------------|-------------|-------------------|-------------|
|                                                        |    | 2023              | 2022        | 2023              | 2022        |
| Nota                                                   |    | RM                | RM          | RM                | RM          |
|                                                        |    | Dinyatakan semula |             | Dinyatakan semula |             |
| Aliran Tunai dari Aktiviti Operasi                     |    |                   |             |                   |             |
| Keuntungan Bersih Sebelum Cukai Koperasi               |    | 43,791,308        | 83,263,008  | 41,227,186        | 84,973,021  |
| Ladang                                                 |    | 22,275,249        | 41,454,276  | 22,275,249        | 41,454,276  |
|                                                        |    | 66,066,557        | 124,717,284 | 63,502,435        | 126,427,297 |
| Pelarasan untuk:                                       |    |                   |             |                   |             |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan                | 4  | 3,255,695         | 3,091,717   | 3,218,159         | 3,050,960   |
| Susutnilai Pelaburan Hartanah                          | 9  | 443,012           | 418,208     | 443,012           | 418,208     |
| Rosotnilai Pelaburan Subsidiari                        |    | -                 | -           | 3,041,707         | -           |
| Rosotnilai Amaun terhutang daripada Subsidiari         | 7  | -                 | -           | 200,435           | -           |
| Rosotnilai Penghutang Perdagangan Hutang ragu          | 12 | 58,482            | -           | -                 | -           |
| Peruntukan Rizab Am Ladang                             | 29 | 10,000,000        | 10,000,000  | 10,000,000        | 10,000,000  |
| Lebih Peruntukan Rizab Am Ladang                       | 29 | (50,873)          | (124,667)   | (50,873)          | (124,667)   |
| Keuntungan Syarikat Bersekutu                          |    | (1,784,133)       | (2,193,625) | -                 | -           |
| Pulih semula rosotnilai Pelaburan                      |    | 1,126,921         | 31,000      | 1,126,921         | 31,000      |
| Pindahan hartanah, loji dan peralatan                  | 4  | -                 | 23,324      | -                 | 23,324      |
| Hapuskira aset                                         |    | -                 | 219         | -                 | 2           |
| Kerugian atas Pelupusan Aset                           |    | -                 | 3           | -                 | 3           |
| Keuntungan atas Pindahan Pelaburan dalam Subsidiari    |    | -                 | -           | -                 | (1,861,315) |
| Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan dalam Modal Kerja |    | 79,115,661        | 135,963,463 | 81,481,796        | 137,964,812 |
| Perubahan Dalam Modal Kerja:                           |    |                   |             |                   |             |
| Pengurangan/(Pertambahan) dalam Inventori              |    | 4,466,268         | (4,370,178) | 4,466,268         | (4,370,178) |
| Pertambahan dalam Penghutang Perdagangan               |    | (3,499,454)       | (1,042,525) | (3,405,961)       | (1,021,735) |
| Pengurangan dalam Pelbagai Penghutang                  |    | 478,862           | 202,395     | 124,192           | 257,073     |
| Pertambahan dalam Terhutang oleh Subsidiari            |    | -                 | -           | (9,905)           | (61,553)    |
| (Pengurangan)/Pertambahan dalam Pemiutang Perdagangan  |    | (3,090,127)       | 1,620,453   | (3,111,019)       | 1,622,923   |
| (Pengurangan)/Pertambahan dalam Pelbagai Pemiutang     |    | (62)              | 4,425,019   | 39,644            | 4,305,639   |
|                                                        |    | 77,471,148        | 136,798,627 | 79,585,015        | 138,696,981 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI****BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)**

|                                                          |      | Kumpulan          |              | Koperasi          |              |
|----------------------------------------------------------|------|-------------------|--------------|-------------------|--------------|
|                                                          |      | 2023              | 2022         | 2023              | 2022         |
|                                                          | Nota | RM                | RM           | RM                | RM           |
|                                                          |      | Dinyatakan semula |              | Dinyatakan semula |              |
| Aliran Tunai dari Aktiviti Operasi (Samb.)               |      |                   |              |                   |              |
| Perubahan Dalam Modal Kerja: (Samb.)                     |      |                   |              |                   |              |
| Terimaan Cukai                                           | 39   | -                 | 3,223        | -                 | -            |
| Bayaran Cukai                                            | 39   | (19,942,962)      | (20,633,257) | (19,933,256)      | (20,628,409) |
| Bayaran Zakat                                            |      | (2,419,316)       | (3,000,000)  | (2,419,316)       | (3,000,000)  |
| Tunai Bersih Dijana dari Aktiviti Operasi                |      | 55,108,870        | 113,168,593  | 57,232,443        | 115,068,572  |
| Aliran Tunai untuk Bayaran Berkanun dan Agihan           |      |                   |              |                   |              |
| Bayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi         |      |                   |              |                   |              |
| Bayaran Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi        | 34   | (1,699,460)       | (1,489,200)  | (1,699,460)       | (1,489,200)  |
| Bayaran Kumpulan Wang Rizab Statutori                    | 35   | (849,730)         | (744,600)    | (849,730)         | (744,600)    |
| Pengeluaran Kumpulan Tabung Khairat Kematian             | 13   | (104,826)         | (5,093,757)  | (104,826)         | (5,093,757)  |
| Pengeluaran Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Anggota       | 21   | (1,071,999)       | (903,000)    | (1,071,999)       | (903,000)    |
| Pengeluaran Kumpulan Wang Tabung Bantuan Ekonomi Anggota | 19   | (34,311)          | (183,500)    | (34,311)          | (183,500)    |
| Pengeluaran Kumpulan Wang Tabung Pendidikan              | 23   | (5,007,900)       | (4,173,000)  | (5,007,900)       | (4,173,000)  |
| Pengeluaran Kumpulan Wang Tabung Persaraan               | 22   | (154,560)         | (142,610)    | (154,560)         | (142,610)    |
| Pengeluaran Kumpulan Wang Tabung Yayasan KOSMA           | 31   | (121,080)         | (303,764)    | (121,080)         | (303,764)    |
| Tunai Bersih Digunakan dalam Bayaran Berkanun dan Agihan | 25   | (1,407,303)       | (328,743)    | (1,407,303)       | (328,743)    |
|                                                          |      | (10,451,169)      | (13,362,174) | (10,451,169)      | (13,362,174) |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI****BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)**

|                                                                 | Nota | Kumpulan            |                     | Koperasi            |                     |
|-----------------------------------------------------------------|------|---------------------|---------------------|---------------------|---------------------|
|                                                                 |      | 2023                | 2022                | 2023                | 2022                |
|                                                                 |      | RM                  | RM                  | RM                  | RM                  |
|                                                                 |      |                     | Dinyatakan semula   |                     | Dinyatakan semula   |
| <b>Aliran Tunai dari Aktiviti Pelaburan</b>                     |      |                     |                     |                     |                     |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan                          | 4    | (2,587,910)         | (1,645,483)         | (2,567,687)         | (1,629,413)         |
| Perbelanjaan Pembangunan untuk Aset Biologi                     | 5    | (10,637,625)        | (10,462,086)        | (10,637,625)        | (10,462,086)        |
| Pengurangan dalam Aset Kumpulan Wang Likuiditi                  |      | 193,312             | 3,729               | 193,312             | 3,729               |
| Dividen Diterima daripada Syarikat Bersekutu                    |      | 2,058,000           | 2,058,000           | -                   | -                   |
| Pengurangan dalam pelaburan syer tak tersiarharga               |      | (2,000,603)         | (812)               | (2,000,603)         | (812)               |
| Pengurangan/(Pertambahan) dalam Pelaburan Dana Pasaran Wang     |      | <u>53,002,813</u>   | <u>(18,308,807)</u> | <u>53,002,813</u>   | <u>(18,308,807)</u> |
| <b>Tunai Bersih Dijana/(Digunakan) dalam Aktiviti Pelaburan</b> |      | <u>40,027,987</u>   | <u>(28,355,459)</u> | <u>37,990,210</u>   | <u>(30,397,389)</u> |
| <b>Aliran Tunai dari Aktiviti Pembiayaan</b>                    |      |                     |                     |                     |                     |
| Penambahan/(Pengurangan) Bersih dalam Modal Syer                | 17   | 1,459,000           | (1,760,550)         | 1,459,000           | (1,760,550)         |
| Pengurangan Bersih dalam Unit Ladang                            | 18   | 841,888             | (283,995)           | 841,888             | (283,995)           |
| Bayaran Dividen                                                 | 36   | <u>(60,414,661)</u> | <u>(59,003,315)</u> | <u>(60,414,661)</u> | <u>(59,003,315)</u> |
| <b>Tunai Bersih Digunakan dalam Aktiviti Pembiayaan</b>         |      | <u>(58,113,773)</u> | <u>(61,047,860)</u> | <u>(58,113,773)</u> | <u>(61,047,860)</u> |
| <b>Peningkatan Tunai dan Setara Tunai</b>                       |      | 26,571,915          | 10,403,100          | 26,657,711          | 10,261,149          |
| <b>Tunai dan Setara Tunai pada Awal Tahun</b>                   |      | <u>45,715,096</u>   | <u>35,311,996</u>   | <u>45,111,473</u>   | <u>34,850,324</u>   |
| <b>Tunai dan Setara Tunai pada Akhir Tahun</b>                  | 16   | <u>72,287,011</u>   | <u>45,715,096</u>   | <u>71,769,184</u>   | <u>45,111,473</u>   |
| <b>Diwakili oleh:</b>                                           |      |                     |                     |                     |                     |
| Wang di Bank                                                    | 16   | 67,133,229          | 18,680,334          | 66,617,471          | 18,089,569          |
| Wang di Tangan                                                  | 16   | 319,977             | 253,647             | 317,908             | 240,789             |
| Simpanan Tetap                                                  | 16   | <u>6,833,805</u>    | <u>26,781,115</u>   | <u>6,833,805</u>    | <u>26,781,115</u>   |
|                                                                 |      | 74,287,011          | 45,715,096          | 73,769,184          | 45,111,473          |
| (Tolak) : Pegangan untuk Aset Kumpulan Wang Statutori           | 16   | <u>(2,000,000)</u>  | -                   | <u>(2,000,000)</u>  | -                   |
|                                                                 |      | <u>72,287,011</u>   | <u>45,715,096</u>   | <u>71,769,184</u>   | <u>45,111,473</u>   |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF LADANG  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

|                                               |             | <b>2023</b> | <b>2022</b> |
|-----------------------------------------------|-------------|-------------|-------------|
|                                               | <b>Nota</b> | <b>RM</b>   | <b>RM</b>   |
| <b>Pendapatan</b>                             |             |             |             |
| Jualan BTB                                    | 45          | 172,132,637 | 237,564,569 |
| <b>Kos Jualan</b>                             |             |             |             |
| Kos Memproses                                 |             | 13,351,520  | 12,285,658  |
| Kos Pengangkutan                              |             | 2,257,238   | 2,251,753   |
| Lain-lain                                     |             | 284,989     | 1,046,814   |
|                                               |             | 15,893,747  | 15,584,225  |
| <b>Perbelanjaan Mengurus Ladang</b>           |             |             |             |
| Menuai                                        |             | 10,480,680  | 11,461,113  |
| Membaja                                       |             | 18,711,309  | 18,630,566  |
| Memuat dan Mengangkut                         |             | 5,116,835   | 4,449,021   |
| Alatan dan Perkakas                           |             | 638,865     | 867,172     |
| Penyelenggaraan Kawasan, Meracun dan Merumpai |             | 2,870,622   | 2,310,149   |
| Jalan dan Jambatan                            |             | 1,696,127   | 1,518,514   |
| Memangkas Pelepah                             |             | 1,564,648   | 1,245,148   |
| Penyelenggaraan Jalan, Jambatan dan Parit     |             | 135,787     | 144,930     |
| Musuh dan Penyakit                            |             | 239,946     | 120,258     |
|                                               |             | 41,454,819  | 40,746,871  |
| <b>Keuntungan kasar</b>                       |             | 114,784,071 | 181,233,473 |
| <b>Pelbagai Pendapatan</b>                    |             |             |             |
| Pelbagai                                      |             | 45,590      | 37,947      |
|                                               |             | 45,590      | 37,947      |
| <b>Perbelanjaan Pentadbiran Ladang</b>        |             |             |             |
| Perbelanjaan Ibu Pejabat                      |             | 3,401,970   | 4,548,867   |
| Gaji dan Elaun                                |             | 11,024,791  | 10,132,655  |
| KWSP dan PERKESO                              |             | 927,477     | 940,952     |
| Belanja Covid-19                              |             | -           | 287,000     |
| Latihan Staff                                 |             | -           | 121,828     |
| Perubatan Pekerja                             |             | 183,705     | 151,602     |
| Minyak dan Penyelenggaraan Kenderaan          |             | 320,679     | 217,498     |
| Yuran Agen Pelawat Ladang                     |             | 2,977,435   | 4,038,371   |
| Elektrik dan Air                              |             | 1,768,401   | 1,270,502   |
| Kebajikan Pekerja                             |             | 354,594     | 241,617     |
| Perumahan Kakitangan dan Pekerja              |             | 1,001,413   | 831,756     |
| Perbelanjaan Buruh Asing                      |             | 4,102,930   | 2,500,640   |
| Cukai Pintu dan Tanah                         |             | 2,758,534   | 2,703,453   |
| Insuran                                       |             | 615,166     | 562,453     |
| Perbelanjaan Pejabat                          |             | 171,704     | 168,530     |
| Baki bawa ke hadapan                          |             | 29,608,799  | 28,717,724  |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF LADANG  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)**

|                                                                                | Nota | 2023<br>RM          | 2022<br>RM          |
|--------------------------------------------------------------------------------|------|---------------------|---------------------|
| <b>Perbelanjaan Pentadbiran Ladang (Samb.)</b>                                 |      |                     |                     |
| Baki bawa dari hadapan                                                         |      | 29,608,799          | 28,717,724          |
| Keselamatan                                                                    |      | 613,719             | 551,479             |
| Penyelenggaraan Bangunan                                                       |      | 145,372             | 115,393             |
| Pelbagai                                                                       |      | 321,321             | 346,433             |
| Malaysian Sustainable Palm Oil ("MSPO")                                        |      | 271,103             | 265,537             |
| Susutnilai                                                                     |      | 1,754,254           | 1,747,493           |
| Cukai Keuntungan Luar Biasa                                                    |      | 4,884,408           | 13,358,544          |
| Probase                                                                        |      | 460,288             | 464,409             |
| Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan                                         |      | -                   | 2                   |
| Stok Lupus                                                                     |      | 12,928              | 8,535               |
|                                                                                |      | <u>38,072,192</u>   | <u>45,575,549</u>   |
|                                                                                |      | 76,757,469          | 135,695,871         |
| <b>(Tolak):</b>                                                                |      |                     |                     |
| Yuran Pengurusan kepada Koperasi - 10% (2022: 10%)                             |      | (7,675,747)         | (13,569,587)        |
| Peruntukan Rizab Am Ladang                                                     | 29   | (10,000,000)        | (10,000,000)        |
| Lebih Peruntukan Rizab Tahun Sebelum                                           | 29   | 50,873              | 124,667             |
|                                                                                |      | <u>(17,624,874)</u> | <u>(23,444,920)</u> |
| <b>Keuntungan Bersih Ladang</b>                                                |      | 59,132,595          | 112,250,951         |
| <b>Bahagian Keuntungan Koperasi - 62.33%</b>                                   |      |                     |                     |
| <b>(2022: 63.07% )</b>                                                         |      | <u>(36,857,346)</u> | <u>(70,796,675)</u> |
| <b>Keuntungan Bersih untuk Diagihkan</b>                                       |      | 22,275,249          | 41,454,276          |
| <br>                                                                           |      |                     |                     |
| Peruntukan Cukai Tahun Semasa                                                  | 39   | (5,716,689)         | (9,321,432)         |
| Pelaras Cukai Tahun Sebelum                                                    | 39   | 641,719             | 2,813,447           |
|                                                                                |      | <u>17,200,279</u>   | <u>34,946,291</u>   |
| Keuntungan Terkumpul Awal Tahun                                                |      | <u>20,809,018</u>   | <u>16,133,227</u>   |
|                                                                                |      | 38,009,297          | 51,079,518          |
| <br>                                                                           |      |                     |                     |
| Perkongasian Keuntungan Dicadangkan - RM4,500 seunit<br>(2022: RM6,500 seunit) | 36   | <u>(21,424,500)</u> | <u>(30,270,500)</u> |
| <b>Baki Keuntungan Belum Diagihkan</b>                                         |      | <u>16,584,797</u>   | <u>20,809,018</u>   |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF PAJAK GADAI AR-RAHNU  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

|                                            | <b>2023</b> | <b>2022</b> |
|--------------------------------------------|-------------|-------------|
|                                            | <b>RM</b>   | <b>RM</b>   |
| <b>Pendapatan</b>                          |             |             |
| Upah Simpan                                | 2,549,518   | 1,825,959   |
| Daftar Ahli                                | 11,050      | 14,100      |
| Borang Tender                              | 2,067       | 96          |
| Upah Simpan Lelong                         | 3,501       | 2,230       |
|                                            | 2,566,136   | 1,842,385   |
| <b>Kos Langsung</b>                        |             |             |
| Gaji, Bonus dan Elaun                      | 338,798     | 475,900     |
| KWSP dan PERKESO                           | 55,692      | 75,928      |
| Insuran Kakitangan                         | 73,837      | 38,364      |
| Penyelenggaraan Bangunan                   | 19,219      | 11,777      |
| Insuran Bangunan                           | 122,335     | 112,749     |
| Susutnilai                                 | 34,700      | 29,084      |
| Lesen Pemiagaan                            | 807         | 1,675       |
|                                            | 645,388     | 745,477     |
| <b>Keuntungan Kasar</b>                    | 1,920,748   | 1,096,908   |
| <b>Pendapatan lain</b>                     |             |             |
| Pelbagai                                   | -           | 1,218       |
|                                            | -           | 1,218       |
|                                            | 1,920,748   | 1,098,126   |
| <b>Perbelanjaan</b>                        |             |             |
| Elaun Perjalanan dan Penginapan Kakitangan | 2,898       | 3,271       |
| Cetak dan Alatulis                         | 25,292      | 29,167      |
| Perbelanjaan Pejabat                       | 4,357       | 4,643       |
| Telefon, Pos dan Setem                     | 28,186      | 24,106      |
| Caj Perkhidmatan                           | 18          | 18          |
| Elektrik dan Air                           | 12,655      | 13,259      |
| Iklan, Majalah dan Akhbar                  | 4,013       | 2,597       |
| Kawalan Keselamatan                        | 233,635     | 205,804     |
| Petak Parking                              | 4,365       | 5,822       |
| Perubatan                                  | 7,449       | 9,249       |
| Belanja Mesyuarat                          | 709         | 318         |
| Caj Bank                                   | 130         | 149         |
| Penyelenggaraan Peralatan Pejabat          | 37,206      | 34,479      |
| Kursus dan Seminar                         | 6,500       | 594         |
| Kebajikan pekerja                          | 1,500       | 3,865       |
| Baki bawa ke hadapan                       | 368,913     | 337,341     |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF PAJAK GADAI AR-RAHNU  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)**

|                                      | <b>2023</b>             | <b>2022</b>           |
|--------------------------------------|-------------------------|-----------------------|
|                                      | <b>RM</b>               | <b>RM</b>             |
| <b>Perbelanjaan (Samb.)</b>          |                         |                       |
| Baki bawa dari hadapan               | 368,913                 | 337,341               |
| Tuntutan Kerja Lebih Masa Kakitangan | 783                     | 1,260                 |
| Yuran Profesional                    | 9,240                   | 5,270                 |
| Uniform                              | -                       | 770                   |
| HRDF                                 | 2,753                   | 1,259                 |
| Peralatan ICT                        | 539                     | -                     |
| Derma dan Sumbangan                  | -                       | -                     |
| Belanja Covid-19                     | -                       | 588                   |
| SIP                                  | 505                     | 438                   |
|                                      | <u>382,733</u>          | <u>346,926</u>        |
| <b>Keuntungan Bersih Bagi Tahun</b>  | <u><u>1,538,015</u></u> | <u><u>751,200</u></u> |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan.

# KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023

---

### 1. KEGIATAN UTAMA KOPERASI

Kegiatan utama Koperasi adalah di dalam aktiviti perladangan tanaman kelapa sawit, pajak gadai Ar-Rahnu dan pegangan pelaburan. Koperasi juga bertindak selaku pengurus dan agen yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan ladang. Kegiatan utama Subsidiari dan Syarikat Bersekutu Koperasi adalah seperti dinyatakan di Nota 7 dan Nota 8 kepada penyata kewangan.

Alamat berdaftar Koperasi ialah B-8032, Jalan Teluk Sisek, Sri Kuantan Square, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Bilangan pekerja pada akhir tahun ialah 145 orang (2022: 126 orang).

Laporan dan penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan oleh Ahli Lembaga Koperasi pada 22 April 2024.

### 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah kecuali yang dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar perakaunan di Nota 3 kepada penyata kewangan. Penyata kewangan ini mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") dan keperluan-keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

Namun, terdapat beberapa garis panduan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang masih digunakan dalam tahun semasa untuk memastikan Kumpulan dan Koperasi masih menurut dasar perakaunan yang dikehendaki oleh SKM antaranya seperti berikut:

|      |                                                                                                                        |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| GP01 | Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Seksyen 57(1A) dan Perenggan 57(1)(b) Akta Koperasi 1993 |
| GP02 | Garis Panduan Permohonan Pembayaran Dividen Oleh Koperasi (PINDAAN) 2012                                               |
| GP04 | Garis Panduan Pelantikan dan Fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman                                                         |
| GP09 | Garis Panduan Bagi Pengambilan Simpanan Khas Dan Deposit Atau Penerimaan Pinjaman                                      |
| GP10 | Garis Panduan Mengenai Skim Pelaburan Khas                                                                             |
| GP16 | Garis Panduan Pelaburan Wang Koperasi Di Bawah Seksyen 54 Akta Koperasi 1993                                           |
| GP18 | Garis Panduan Bagi Membuka Cawangan Koperasi Atau Subsidiari Sesuatu Koperasi                                          |
| GP19 | Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Likuiditi Pusat (KWLP)                                                            |
| GP20 | Garis Panduan Mengenai Federasi Koperasi Kredit                                                                        |
| GP22 | Garis Panduan Permohonan Pembayaran Honorarium Kepada Anggota Lembaga Koperasi                                         |
| GP23 | Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020                                                       |
| GP24 | Garis Panduan Pelaburan Harta Tak Alih                                                                                 |
| GP29 | Garis Panduan Perlaksanaan Akaun Deposit Koperasi                                                                      |

# KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023

---

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### (a) Asas-asas Perakaunan

- (i) Penyata Kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah yang diubahsuaikan dengan penilaian semula tanah tertentu dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan.
- (ii) Penyata Kewangan Kumpulan dan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993 dan kaedah di bawahnya serta mematuhi piawaian perakaunan dan MPERS dan garis panduan pelaporan penyata kewangan Koperasi.

#### (b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susutnilai.

Tanah hak milik bebas, perbelanjaan penanaman ladang kelapa sawit dan kerja dalam proses untuk aset dalam pembinaan tidak disusutnilaikan. Tanah pegang pajak dilunaskan di sepanjang jangka masa pajak. Bagi semua hartanah, loji dan peralatan yang lain, susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos atau nilai setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai yang digunakan bagi hartanah, loji dan peralatan adalah:

|                                   | %                       |
|-----------------------------------|-------------------------|
| Tanah pegang pajak jangka panjang | Sepanjang 71 - 99 tahun |
| Bangunan dan ubahsui              | 2 - 20                  |
| Jentera                           | 10                      |
| Kenderaan                         | 20                      |
| Perabot dan kelengkapan           | 10 - 20                 |
| Aset-aset lain                    | 10 - 20                 |

#### (c) Aset Biologi

Aset biologi Kumpulan dan Koperasi adalah ladang kelapa sawit. Perbelanjaan penanaman ladang kelapa sawit baru dan belum matang telah dibawa ke hadapan sebagai kos ladang kelapa sawit belum matang dan ditunjukkan sebagai aset biologi. Perbelanjaan penanaman tersebut akan terhenti dipermodalkan apabila penanaman ladang kelapa sawit telah mencecah tempoh matang. Pelunasan pada ladang kelapa sawit baru dan belum matang bermula apabila mencapai kematangan dan kos ladang kelapa sawit ini akan diperlunaskan sepanjang tempoh hayat ekonomi berguna selama 30 tahun.

## **KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

---

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

##### **(d) Pelunasan**

Pelunasan tanah pegang pajak jangka panjang yang ditanam dengan kelapa sawit dan perbelanjaan penanaman ladang kelapa sawit akan dikenakan kepada akaun untungrugi dan rizab penilaian semula dengan cara berikut:

- (i) Tanah pegang pajak jangka panjang yang tidak dinilai semula telah dipelunaskan sepanjang tempoh masa pajakan selama 99 tahun dan pelunasan ini telah dikenakan ke atas akaun untung rugi.
- (ii) Tanah pegang pajak jangka panjang yang telah dinilai semula telah dipelunaskan berdasarkan tempoh masa pajakan yang masih ada selepas tarikh penilaian semula. Pelunasan ke atas kos tanah pegang pajak jangka panjang ini telah dikenakan ke atas akaun untungrugi. Pelunasan ke atas perbezaan di antara kos dan nilai bawaan tanah pegang pajak jangka panjang yang telah dinilai dikenakan ke atas rizab penilaian semula.
- (iii) Ladang kelapa sawit telah dipelunaskan dengan kadar 4% atau sepanjang usia ekonomi kelapa sawit (iaitu 25 tahun) yang masih ada. Pelunasan akan dikenakan ke atas akaun untungrugi selain daripada pelunasan atas kos ladang kelapa sawit yang telah dinilai semula. Perbezaan pelunasan di antara kos dan nilai bawaan ladang kelapa sawit yang telah dinilai semula dikenakan ke atas rizab penilaian semula.
- (iv) Perbelanjaan penanaman akan dipelunaskan apabila ladang kelapa sawit mencapai kematangan.

##### **(e) Perbelanjaan Penanaman Ladang**

Perbelanjaan penanaman kelapa sawit dan lain-lain perbelanjaan tidak langsung dalam kawasan-kawasan yang belum matang telah dipermodalkan sebagai ladang belum matang dan ditunjukkan sebagai aset tetap.

Perbelanjaan atas ladang yang matang dikenakan ke akaun untungrugi dalam tahun penglibatan.

##### **(f) Perbelanjaan Tanaman Semula**

Perbelanjaan tanaman ke atas ladang yang ditanam semula selepas ianya matang dikenakan ke atas akaun untungrugi pada tahun ianya dibelanjakan.

Pokok sawit matang disusut nilaikan pada kadar garis lurus berdasarkan jangka hayat pokok selama 30 tahun sejak dari pokok mula berubah.

Perbelanjaan tanaman semula sebelum ianya matang akan dipermodalkan.

## **KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

---

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

##### **(g) Inventori**

Inventori dinilai pada harga terendah di antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos merupakan kos pembelian yang ditentukan di atas asas masuk dahulu keluar dahulu.

##### **(h) Penghutang**

Penghutang perniagaan dibawa pada jumlah invois tolak anggaran untuk hutang ragu dan penjejasan kerugian berdasarkan pemeriksaan ke atas jumlah terhutang pada akhir tahun. Hutang lapuk dihapuskan bila dikenalpasti.

##### **(i) Pelaburan**

Pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu ditunjukkan pada kos. Apabila ada petunjuk penjejasan, amaun dibawa aset berkenaan akan dinilai dan diturunkan serta-merta kepada nilai boleh pulih.

Pelaburan ekuiti bukan semasa tertentu dikelaskan sebagai pelaburan tersedia untuk dijual. Aset-aset ini pada awalnya diukur pada nilai saksama termasuk kos urus niaga dan berikutnya, pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif lain.

Sekuriti boleh pasar (dalam aset semasa) dibawa pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah, ditentukan mengikut kategori pelaburan. Harga pasaran dikira berdasarkan kepada harga jualan yang tersiar di bursa saham pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Peningkatan/penurunan nilai pelaburan dikredit/dicajkan ke atas akaun rizab nilai saksama.

Perbezaan antara harga jualan bersih dan nilai dibawa dikredit/dicajkan ke atas penyata pendapatan komprehensif pada masa jualan pelaburan.

##### **(j) Pelaburan Hartanah**

Hartanah pelaburan adalah harta yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau untuk penghargaan modal atau kedua-duanya daripada untuk digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran, atau penjualan dalam urusan biasa perniagaan. Hartanah pelaburan termasuk hartanah yang sedang dibina atau dibangunkan untuk kegunaan masa depan sebagai hartanah pelaburan. Hartanah sedemikian pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos transaksi. Hartanah pelaburan dalam pembinaan dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Susutnilai dikira untuk menghapuskan jumlah pelaburan hartanah yang boleh disusut nilai berdasarkan kaedah garis lurus ke atas nilai anggarannya daripada kos harta pelaburan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

---

**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

**(j) Pelaburan Hartanah (Samb.)**

Hartanah pelaburan tidak diiktiraf apabila sama ada ia telah dilupuskan atau apabila harta pelaburan ditarik balik secara kekal dari penggunaan dan tiada faedah ekonomi masa depan dijangka daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian atas persaraan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian dalam tahun persaraan atau pelupusan.

**(k) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan tunai terhampir terdiri daripada wang di tangan, baki di bank dan simpanan tetap.

**(l) Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai saksama yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan.

**(m) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun kewangan semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata kedudukan kewangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh cukai, dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh di tolak, kerugian cukai belum digunakan akan dikredit cukai belum digunakan dan kredit cukai sebelum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai. Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan komunikasi perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

---

**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

**(m) Cukai Pendapatan (Samb.)**

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh apabila aset itu direalisasikan, atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan sebahagian besarnya pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke dalam ekuiti ataupun bila ia terhasil daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambil alihan syarikat di mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibah atau muhibah negatif yang terhasil.

**(n) Polisi Risiko Pengurusan Kewangan**

Pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Koperasi memastikan bahawa sumber kewangan yang mencukupi adalah tersedia untuk pembangunan perniagaan Kumpulan dan Koperasi di samping menguruskan risikonya. Polisi-polisi di bawah adalah dilaksanakan untuk memberi kaedah-kaedah yang berkesan untuk mengurangkan risiko kewangan ke atas Kumpulan dan Koperasi. Risiko-risiko yang dihadapi terutamanya adalah risiko kecairan dan risiko kredit.

**(i) Risiko Kecairan**

Kumpulan dan Koperasi memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi bagi memenuhi liabiliti mereka dan secara kos efektif dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan dan menjadualkan pembayaran hutang kepada beberapa peringkat kematangan.

**(ii) Risiko Kredit**

Risiko kredit adalah potensi kerugian berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi mereka. Kumpulan dan Koperasi telah mengamalkan polisi yang hanya berurusan dengan mereka yang mempunyai rekod kredit yang baik serta mendapatkan cagaran yang mencukupi atau jaminan lain yang sesuai sebagai satu cara bagi mengurangkan risiko kerugian kewangan akibat dari kemungkinan perlanggaran. Penghutang perdagangan dikawal secara berterusan melalui prosedur pengurusan rekod Kumpulan dan Koperasi.

**(o) Instrumen Kewangan**

**(i) Pengiktirafan awal dan pengukuran**

Kumpulan dan Koperasi mengiktirafkan aset kewangan atau liabiliti (termasuk instrumen derivatif) dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, ia adalah pihak kepada peruntukan-peruntukan kontrak instrumen tersebut.

## **KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

---

#### **3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

##### **(o) Instrumen Kewangan (Samb.)**

###### **(i) Pengiktirafan awal dan pengukuran**

Pada peringkat pengiktirafan awal, aset-aset kewangan dan liabiliti- liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, iaitu harga transaksi ditambahkan dengan kos-kos transaksi jika aset-aset kewangan atau liabiliti-liabiliti kewangan tersebut bukan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Bagi instrumen-instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos-kos transaksi adalah dicajkan kepada untung atau rugi apabila berlaku.

###### **(ii) Penyahiktirafan instrumen kewangan**

Untuk tujuan penyahiktirafan, Kumpulan dan KOPERASI akan menentukan sama ada aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut perlu dinyahiktirafkan secara sepenuhnya sebagai suatu perkara atau dinyahiktirafkan secara bahagian demi bahagian atau dalam bentuk item-item yang sama.

Aset kewangan dinyahiktirafkan apabila, dan hanya apabila, hak- hak kontrak untuk menerima aliran-aliran tunai daripada aset kewangan tersebut telah tamat atau Kumpulan dan Koperasi tersebut memindahkan hak-hak kontrak tersebut untuk menerima aliran-aliran tunai daripada aset kewangan tersebut, termasuk keadaan-keadaan apabila Kumpulan dan Koperasi tersebut bertindak hanya sebagai ejen kutipan untuk penerima pindahan dan mengekalkan risiko-risiko yang tidak penting dan ganjaran-ganjaran daripada pemilikan aset kewangan tersebut atau tiada penglibatan seterusnya dalam kawalan terhadap aset kewangan yang dipindah.

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan apabila, dan hanya apabila, ia dipadamkan secara kuatkuasanya, iaitu apabila tanggungjawab yang dinyatakan dalam kontrak telah dilunaskan, dipatahkan atau telah tamat tempohnya. Pengubahsuaian terma-terma yang penting untuk liabiliti kewangan yang sedia ada dianggap sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baru. Untuk tujuan ini, Kumpulan dan Koperasi mempertimbangkan suatu pengubahsuaian yang penting jika nilai kini untuk aliran-aliran tunai yang telah disemakkan semula untuk terma-terma dan dikira pada kadar faedah efektif berbeza sebanyak 10% atau lebih daripada nitai dibawa daripada liabiliti asal.

###### **(iii) Pengukuran berikutnya aset-aset kewangan**

Untuk tujuan pengukuran berikutnya, Kumpulan dan Koperasi mengelaskan aset-aset kewangan kepada dua kategori iaitu: (i) aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan (ii) aset-aset kewangan pada kos pelunasan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

---

**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

**(o) Instrumen Kewangan (Samb.)**

**(iii) Pengukuran berikutnya aset-aset kewangan (Samb.)**

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan-pelaburan dalam saham keutamaan dan saham biasa diukur pada nilai saksama tertentu dengan merujuk kepada harga pasaran aktif, jika diperhatikan, atau selain begitu menggunakan teknik penilaian, tidak melibatkan sebarang potongan untuk kos-kos transaksi bagi jualan atau pelupusan yang dilakukan.

Pelaburan dalam instrumen-instrumen hutang, sama ada tersiarharga atau tidak tersiarharga, adalah diukurkan seterusnya pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Pelaburan-pelaburan dalam instrumen-instrumen ekuiti dan yang mana nilai saksamanya tidak boleh dipastikan adalah diukur pada kos.

Selain daripada aset-aset kewangan diukurkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, aset-aset kewangan lain adalah tertakluk kepada semakan untuk rosotnilai.

**(iv) Pengukuran berikutnya liabiliti-liabiliti kewangan**

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti-liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

**(v) Pengukuran nilai saksama instrumen kewangan**

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran disebut dalam pasaran aktif dan dalam keadaan ketiadaan harga pasaran yang boleh dirujuk dengan menggunakan teknik penilaian berdasarkan andaian-andaian munasabah dan yang tersokong.

**(vi) Pengiktirafan keuntungan dan kerugian perubahan nilai saksama**

Perubahan-perubahan nilai saksama aset-aset kewangan dan liabiliti-liabiliti kewangan yang dikelaskan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diiktirafkan dalam akaun rizab nilai saksama apabila berlaku.

Untuk aset-aset kewangan dan liabiliti-liabiliti kewangan dibawa pada kos pelunasan, untung atau rugi hanya diiktirafkan dalam untung atau rugi apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut telah dinyahiktirafkan atau dirosotnilaikan dan melalui proses perlunasan instrumen.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

---

**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

**(o) Instrumen Kewangan (Samb.)**

**(vii) Rosotnilai dan tahap ketidakdapat dipungut semula aset-aset kewangan**

